POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

MEMO PERHUBUNGAN

Daripada	:	Ketua Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar	Ruj. Fail Tarikh	: PKT-HEP/ 06/01/01 Jld.15 (17) : 16 JUN 2026
Kepada	:	1.Ketua Jabatan JKE 2.Ketua Jabatan JTMK 3.Ketua Jabatan JMSK 4.Ketua Jabatan JPA 5.Semua Pelajar PKT	Salinan	: Pengarah, TSPA, TPA, Fail

Tuan,

MAKLUMAN TARIKH LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SESI I : 2026/2027

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa semua ***Pelajar Senior Sesi*** **I : 2026/2027** dikehendaki melapor diri secara atas talian (*online*) melalui SPMP mengikut ketetapan berikut:

Tarikh Bayar Yuran : **24/06 hingga 02/07/2026**
Tarikh Lapor Diri online : **25/06 hingga 02/07/2026**
Tarikh Daftar Kursus : (rujuk Jabatan Akademik / Penyelaras Penasihat Akademik)
Tarikh Mula Kuliah : **28/06/2026 (Ahad)**

* Pelajar yang mempunyai masalah untuk lapor diri secara online perlu menghubungi pejabat HEP dengan kadar segera.

3. Maklumat lanjut boleh dicapai melalui laman web rasmi Politeknik Kuala Terengganu. Kerjasama dan jasa baik tuan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD ZAILANI BIN SULONG)

NI ~ D 01 SESI 27 SESI I: 2026_2027 05 Pendaftaran

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR SENIOR
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

A. Maklumat Bayaran

BIL	MAKLUMAT BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN	PELAJAR TERLIBAT
1	**Yuran Pengajian**	**200.00**	**Kaedah iPayment sahaja** (**Rujuk Lampiran A untuk kaedah bayaran**). **PENTING!!!** Pelajar berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diberi penangguhan bayaran yuran pengajian.	Semua Pelajar.
2	**Bayaran SAKP** (Sumbangan Aktiviti dan Kebajikan Pelajar)	**50.00**	**Kaedah Bayaran iPayment sahaja (**Rujuk **Lampiran B** untuk surat arahan berkaitan).	Semua Pelajar **Kecuali Pelajar yang menjalani Latihan Industri.**
3	**Bayaran Barang & Perkhidmatan Pelajar Politeknik** (Insurans Pelajar)	**35.00**	**Kaedah Bayaran : Pindahan Wang /Fund Transfer (**Rujuk **Lampiran C** untuk surat arahan berkaitan). Nama Bank : Affin Bank No Akaun : 105150001825 Nama Akaun : Koperasi PKKT Berhad Ref1 : No KP Pelajar	Hanya melibatkan pelajar **semester 3, 5, 7 dan 9** sahaja. *Pelajar Tangguh pengajian sila berhubung dengan Pegawai Hal Ehwal Pelajar.
4	**Bayaran MSP** (Majlis Sukan Politeknik)	**15.00**	(Rujuk **Lampiran D** untuk kaedah bayaran borang keahlian). Nama Bank : **Bank Islam Malaysia Berhad** No Akaun : **04033010039589** Jenis Akaun : **Akaun Semasa** Ref1 : No Kad Pengenalan Pelajar	Semua Pelajar **Kecuali Pelajar yang menjalani Latihan Industri.**

Sila cetak dan simpan bukti bayaran untuk rujukan sekiranya diperlukan di masa akan datang.

PANDUAN LAPOR DIRI ONLINE PELAJAR SENIOR

1. Log masuk ke www.spmp.pkt.edu.my



2. Klik pada menu iHelp



3. Pilih Kemaskini Maklumat Penjaga

4. Lengkapkan Semua Maklumat berkaitan dan tekan butang Simpan



5. Pilih Lapordiri Pelajar Senior dan tekan Daftar



LAMPIRAN A

BAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN BAYARAN SAKP MENGGUNAKAN KAEDAH i-PAYMENT

Langkah 1:

Layari web https://ipayment.anm.gov.my/. Klik butang Log Masuk.



Langkah 2:

Masukkan ID pengguna (emel) dan kata laluan. Klik butang Log Masuk. Pastikan pelajar telah mendaftar iPayment.

Seterusnya pelajar boleh lihat pada menu berkaitan seperti paparan berikut:



Langkah 3:

Klik pada ikon menu bil. Bil yang tersedia akan dipaparkan seperti berikut:



Untuk melihat bil terperinci, boleh klik pada ikon



Bil terperinci akan dipaparkan. Seterusnya klik Kembali untuk ke menu sebelumnya.



Langkah 4:

Untuk proses pembayaran bil, boleh ikuti langkah berikut. Pilih bil, klik pada butang Bayar.



Langkah seterusnya adalah membuat bayaran. Terdapat empat Mod Pembayaran, boleh memilih mana-mana kaedah yang diingini.

i. **Perbankan Internet *(DuitNow Online Banking/Wallets)***
ii. **DuitNow QR**
iii. **Kad Debit / Kad Kredit / Kad Prabayar**
iv. **E-Dompet**

i. Kaedah Perbankan Internet (DuitNow Online Banking/Wallets)

Sekiranya memilih Mod Pembayaran ini, pilihan bank seperti berikut akan dipaparkan. Pilih bank berkaitan.



Sebagai contoh, pilih Maybank Berhad, seterusnya klik butang Bayar. Seterusnya klik butang Ya. Anda akan dibawa ke laman web bank berkenaan. Seterusnya boleh ikuti langkah-langkah membuat pembayaran seperti biasa. Perlu diingat, pastikan resit bayaran transaksi disimpan sebagai bukti bayaran.



ii. Kaedah DuitNow QR

Jika memilih kaedah ini, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.

Seterusnya akan dipaparkan Kod QR DuitNow. Sila imbas kod QR tersebut menggunakan aplikasi perbankan/e-dompet untuk proses pembayaran. Perlu diingat, jangan kongsikan kod QR tersebut kepada orang lain. Jangan lupa untuk menyimpan resit bayaran sebagai bukti.

iii. Kaedah Kad Debit / Kad Kredit / Kad Prabayar

Jika memilih kaedah ini, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya.

Isikan maklumat berkaitan dan teruskan proses pembayaran. Jangan lupa untuk menyimpan resit bayaran sebagai bukti.



iv. Kaedah E-Dompet

Jika memilih kaedah ini, klik butang Bayar dan seterusnya klik butang Ya



Berikut adalah paparan untuk memilih aplikasi E-Dompet. Pilih aplikasi E-Dompet berkaitan dan seterusnya klik butang Pay Now dan ikuti langkah seterusnya untuk proses pembayaran. Pastikan salinan resit transaksi disimpan sebagai bukti pembayaran.



**PEMBAYARAN YANG TELAH SELESAI

Bil/yuran yang telah berjaya di bayar, akan hilang daripada senarai paparan bil semasa.



Sila ikuti langkah yang sama seperti pembayaran yuran pengajian untuk membuat bayaran SAKP.

Resit bagi setiap transaksi pembayaran hendaklah disimpan sebagai bukti pembayaran.

LAMPIRAN B

BAYARAN SUMBANGAN AKTIVITI DAN KEBAJIKAN PELAJAR (SAKP)

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

KAEDAH BAYARAN MENGGUNAKAN iPAYMENT SAHAJA

1. Bayaran SAKP perlu dibuat menggunakan kaedah iPayment sahaja. (Bil akan dihantar ke akaun iPayment pelajar).

2. Pastikan resit rasmi dari iPayment dijana dan dicetak untuk simpanan pelajar.

KETUA PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Galeria PjH, Aras 7, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-8891 9000
Faks. : 03-8891 9301

Ruj. Kami : JPPKK.BAPP.400-1/1/2 (12)
Tarikh : 22 Mei 2026

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU
DITERIMA : 24 MAY 2026
En / Pn / Cik
UNTUK:
Tindakan ✓
Kajian
Maklumat
Simpanan
PKPHEP
PKULPL
PnA
SK P, TPA, TPSA

Pengarah Politeknik
Pengarah Kolej Komuniti

YBrs. Ts./Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN KUTIPAN SUMBANGAN AKTIVITI DAN KEBAJIKAN PELAJAR POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

24/5/26

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bil.36/2024 pada 5 Disember 2024 telah meluluskan pelaksanaan kutipan **Sumbangan Aktiviti dan Kebajikan Pelajar (SAKP)** di politeknik dan kolej komuniti bagi menggantikan kutipan Bayaran Pelbagai yang dilaksanakan sebelum ini.

3. SAKP merupakan satu bentuk sumbangan wajib dengan kadar kutipan sebanyak RM50.00 bagi setiap semester kepada pelajar sepenuh masa berstatus aktif. Walau bagaimanapun, pelajar yang menjalani sesi Latihan Industri (LI) dan *Work Based Learning* (WBL) adalah dikecualikan daripada kutipan tersebut. Kutipan SAKP ini bertujuan menyokong pelaksanaan aktiviti pembangunan dan kebajikan pelajar di institusi.

UNIT HAL EHWAL PELAJAR
DITERIMA PADA : 25 MAY 2026
UNTUK TINDAKAN :
PKD & PHEP.

4. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan kutipan SAKP **berkuat kuasa mulai Sesi I: 2026/2027** berdasarkan Mekanisme Pelaksanaan seperti di Lampiran A. Garis Panduan Pengurusan SAKP sedang diperhalusi dan akan diedarkan kepada institusi sebagai rujukan pelaksanaan setelah selesai proses semakan dan memperoleh kelulusan di peringkat Jabatan.

5. Dengan berkuat kuasanya pelaksanaan kutipan SAKP ini, surat rujukan JPPKK.BAPP.400-1/1/2(5) bertarikh 12 Julai 2023 serta apa-apa surat, pemakluman, arahan atau ketetapan terdahulu yang berkaitan dengan pelaksanaan kutipan Bayaran Pelbagai di politeknik dan kolej komuniti adalah dibatalkan dan tidak lagi berkuat kuasa. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBrs. Ts./Dr./tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SHAMSURI BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

s.k.:
i. Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)
ii. Timbalan Ketua Pengarah (Governan)
iii. Pengarah Kanan (Akademik)
iv. Pengarah Kanan (Kompetensi)
v. Pengarah Bahagian

LAMPIRAN C

BAYARAN KOPERASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

(PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL PELAJAR SENIOR)

Bayaran ini hanya melibatkan pelajar **Semester 3, 5, 7 dan 9 sahaja**

- Pelajar **tangguh pengajian** hendaklah berhubung dengan Pegawai Hal Ehwal Pelajar (Kebajikan dan Disiplin) untuk urusan dan maklumat lanjut.
- Pelajar yang menjalani **latihan industri** hendaklah memastikan mereka mempunyai perlindungan insurans yang sah sepanjang tempoh latihan industri.

KAEDAH MENGGUNAKAN PERBANKAN INTERNET:
PINDAHAN WANG (EFT – Electronic Fund Transfer)

1. Layari perbankan internet melalui akaun bank tempatan masing-masing

2. Pilih pindahan wang bagi bayaran Yuran MSP seperti maklumat berikut :

   Nama Bank : Affin Bank
   Nama akaun : Koperasi PKKT Berhad
   No Akaun : 105150001825
   Jenis Akaun : Akaun Semasa

3. Masukkan jumlah mengikut bayaran yang telah ditetapkan, iaitu **RM 35.00** (untuk pelajar s**emester 3, 5, 7 dan 9 sahaja**)

4. Sila nyatakan **NO KAD PENGENALAN PELAJAR** sebagai rujukan (*recipient reference*)

5. Klik pemindahan wang sehingga berjaya dan cetak slip bayaran serta simpan sebagai bukti pembayaran.

6. Salinan slip bayaran perlu dihantar kepada Pegawai Hal Ehwal Pelajar (Kebajikan & Disiplin) melalui **PENASIHAT AKADEMIK** masing-masing.

   NOTA:

   a. Pelajar **Tangguh Pengajian** hendaklah berhubung dengan Pegawai Hal Ehwal Pelajar (Kebajikan dan Disiplin) untuk urusan dan maklumat lanjut.

   b. Pelajar yang menjalani **latihan industri** hendaklah memastikan mereka mempunyai perlindungan insurans yang sah sepanjang tempoh latihan industri.

KOPERASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU BERHAD
D/A POLITEKNIK KUALA TERENGGANU
JALAN SULTAN ISMAIL
20200 KUALA TERENGGANU
Tel : 09-6204100 Fax : 09-6204102

No. Rujukan : Koperasi PKT /1/1 (2)
Tarikh : 15 Jun 2026

SEMUA PELAJAR SENIOR
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Tuan,

BAYARAN PERLINDUNGAN INSURANS TAKAFUL PELAJAR SENIOR SESI I : 2026/2027 KE AKAUN KOPERASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU BERHAD

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa bayaran Perlindungan Insurans Pelajar Senior Politeknik Kuala Terengganu Sesi I : 2026/2027 berjumlah **RM35.00** hendaklah dibayar seperti kaedah yang dinyatakan seperti berikut:

Kaedah Bayaran	**:**	Pindahan Wang (*Fund Transfer*)
Nama Bank	**:**	Affin Bank
No Akaun	:	**105150001825**
Nama Akaun	:	Koperasi PKKT Berhad
Ref1	:	No Kad Pengenalan Pelajar

3. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah.

(MOHD ZULKIFLI BIN TAIB)
Pengerusi
Koperasi Politeknik Kuala Terengganu Berhad

Ruj. Kami: JPPKK.BAPP.400-1/1/2 (14)

PENETAPAN SILING BAYARAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN BAGI PELAJAR POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Lampiran IV

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SILING BAYARAN PERKHIDMATAN DAN BARANGAN PELAJAR POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
(PROGRAM DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA)

BIL	SILING BAYARAN PERKHIDMATAN DAN BARANGAN	PELAJAR SEMESTER 1	PELAJAR SEMESTER 2	PELAJAR SEMESTER 3	PELAJAR SEMESTER 4	PELAJAR SEMESTER 5	PELAJAR SEMESTER 6	EXTEND SEMESTER 5/7/9	EXTEND SEMESTER 6/8/10	LATIHAN INDUSTRI/ WORK BASED LEARNING
BAYARAN PERKHIDMATAN										
1	Perlindungan Takaful Berkelompok @ RM35/tahun	35.00	-	35.00	-	35.00	-	35.00	-	35.00
BAYARAN BARANGAN*										
1	Keperluan Hari Suai Kenal	165.00	-	-	-	-	-	-	-	-
2	Pakaian Praktikal									
	Siling Bayaran (RM)	**200.00**	**-**	**35.00**	**-**	**35.00**	**-**	**35.00**	**-**	**35.00**

***BAYARAN BARANGAN**

BIL	PERKARA
1	Keperluan Hari Suai Kenal - Kad pelajar dan aksesori berkaitan; dan - Baju berlogo Jenama POLYCC
2	Pakaian Praktikal contoh: Baju bengkel/ baju makmal/ baju amali

Diluluskan oleh:

1.

(Dr. SHAMSURI BIN ABDULLAH)
Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Tarikh: 22/05/26

LAMPIRAN D

BAYARAN YURAN MSP POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

(PELAJAR SENIOR)

KAEDAH MENGGUNAKAN PERBANKAN INTERNET:
PINDAHAN WANG (EFT – Electronic Fund Transfer)

1. Layari perbankan internet melalui akaun bank tempatan masing-masing

2. Pilih pindahan wang bagi bayaran Yuran MSP seperti maklumat berikut :

   Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad
   Nama Penerima : Majlis Sukan Politeknik Malaysia
   No Akaun : 04033010039589
   Jenis Akaun : Akaun Semasa

3. Masukkan jumlah mengikut kadar yuran yang telah ditetapkan, iaitu **RM 15.00.**

4. Sila nyatakan **NO KAD PENGENALAN PELAJAR** sebagai rujukan (*recipient reference*)

5. Klik pemindahan wang sehingga berjaya dan cetak slip bayaran serta simpan sebagai bukti pembayaran.

6. Salinan slip bayaran perlu **dihantar** bersama **BORANG KEAHLIAN PELAJAR MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA** yang telah lengkap kepada Pegawai Belia & Sukan melalui penasihat akademik masing-masing.

MSP_DAF- 002

BORANG KEAHLIAN PELAJAR
(SEMESTER 2,3,4,5 & 6)
MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA

NAMA PELAJAR	
NO. KAD PENGENALAN	
NO. PENDAFTARAN	
PROGRAM	
SEMESTER	
SESI	
POLITEKNIK	POLITEKNIK KUALA TERENGGANU
NO H/P	

Saya_____No kad pengenalan_____dengan sesungguhnya bersetuju untuk menjadi ahli Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan sedaya upaya akan mematuhi segala peraturan serta undang-undang Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan memberi sokongan terhadap program yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Politeknik Malaysia seperti ketetapan berikut:

YURAN KEAHLIAN

SEMESTER	RM 15.00
JUMLAH	**RM 15.00**
	• Bayaran boleh dibuat melalui **Pindahan Wang** sahaja (*Electronic Fund Transfer*) ke akaun **Majlis Sukan Politeknik Malaysia.** Nama Bank : **Bank Islam Malaysia Berhad** No Akaun : **04033010039589** Jenis Akaun : **Akaun Semasa** • Sila nyatakan **No Kad Pengenalan** pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran. • Sila kepilkan salinan slip pindahan wang sebagai bukti pembayaran.

Tandatangan

(NAMA :_____)
Tarikh :